

03/10/1998

Pengganti mesti bersih: PM

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

JITRA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengganti beliau tidak semestinya seseorang yang terlalu warak, tetapi harus bersih bukan setakat perlakuan, malah peribadi.

Perdana Menteri berkata, untuk menjadi Perdana Menteri, seseorang itu tidak seharusnya menonjolkan dirinya mempunyai perlakuan yang baik hanya untuk mendapatkan sokongan politik.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, gambaran perlakuan luaran itu seharusnya berdasarkan sifat peribadi sendiri dan tidak terbabit dalam sebarang tingkah laku tidak bermoral.

"Kita tidak boleh bermaharaja lela dengan apa yang kita lakukan, terutama apabila kita menggambarkan diri kita sebagai orang baik tetapi hanya untuk mendapatkan sokongan," katanya.

Beliau menjelaskan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan Umno semata-mata berdasarkan pembabitannya dalam kegiatan tidak bermoral.

"Hendak singkirkan orang berjawatan tinggi dan dihormati amat susah. Hendak singkir atas sebab politik mudah tetapi atas sebab moral, susah," katanya ketika berucap selepas solat Jumaat dan makan tengah hari bersama rakyat di Masjid Tanah Rancangan Felda Guar Napai, dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir juga menasihatkan rakyat supaya memberi kepercayaan kepada sistem perundangan bagi membicarakan Anwar secara tenang dan tidak terbabit dalam demonstrasi.

Berucap di majlis Sepetang Bersama Perdana Menteri anjuran Umno Bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra, pula Dr Mahathir berkata, pemecatan Anwar bukanlah untuk menganiaya bekas timbalannya itu.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir ia berdasarkan tanggungjawabnya terhadap agama, bangsa dan negara.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak munasabah jika pemecatan Anwar dianggap sebagai penganiayaan kerana tidak mungkin beliau, hakim, pendakwa raya, polis dan menteri kabinet mampu mengadakan pakatan yang besar hanya untuk menjatuhkan Anwar.

Majlis itu turut dihadiri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid dan bekas Menteri Besar yang juga Timbalan Ketua Bahagian Umno Kubang Pasu, Tan Sri Osman Aroff.

Dr Mahathir turut mengulangi kenyataannya sebelum ini, Anwar sengaja membakar semangat penyokongnya untuk mengadakan reformasi bagi mengelakkan tuduhan salah lakunya dibicarakan di mahkamah.

Dalam sidang akhbar selepas perhimpunan itu, Dr Mahathir berkata beliau mungkin membuat lawatan ke seluruh negara bagi memberi penjelasan berhubung isu pemecatan Anwar.

"Saya tidak pasti sama ada boleh atau tidak (penjelasan ke seluruh negara) tetapi setakat yang boleh kita akan cuba kerana nampak banyak orang masih keliru.

"Dengan itu saya perlu buat lawatan lagi seperti saya jelaskan ketika kegawatan ekonomi. Tapi saya harap tak banyak tempat," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, penjelasan dan penerangan susulan oleh pihak lain akan turut diadakan dengan dibantu rakaman ucapan Anwar selepas dipecah dan rakaman lain yang berkaitan.

Perdana Menteri juga berkata, ahli Umno yang telah sedar perkara itu perlu diterima oleh parti kerana sebelum ini mereka telah dipengaruhi Anwar.

Bagaimanapun, katanya, mereka yang jelas terbabit aktif dalam gerakan reformasi mungkin perlu mengemukakan penjelasan sebelum sebarang keputusan diambil terhadap mereka.

Mengenai cadangan pasukan penyiasat bebas ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan Anwar dcederakan ketika dalam tahanan, Perdana Menteri yakin pasukan penyiasat bebas polis akan bertindak secara bebas.

"Jika polis salah mereka akan buat keputusan. Tetapi, jika ada pasukan penyiasat bebas, kita masih tidak tahu bagaimana bebasnya pasukan itu. Mungkin mereka condong kepada Anwar dan tidak adil juga.

"Seperti laporan dalam media asing berpihak kepada Anwar tidak apa tapi kalau berpihak kepada kerajaan, ia (dikatakan) disebabkan kawalan kerajaan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata bersedia memberi keterangan di mahkamah dalam perbicaraan kes Anwar jika diperlukan berbuat demikian.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai kemungkinan beberapa ketua negara forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) tidak hadir pada persidangan di Kuala Lumpur, bulan depan kerana penahanan Anwar mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Itu hak mereka. Seperti mana saya tidak hadir di Seattle (di Amerika Syarikat tempat persidangan Apec lalu), itu hak saya.

"Kalau mereka tak nak hadir tak jadi apa...Bagi saya tak ada apa. Dulu kata Sukom tak mahu hadir tapi hadir juga," katanya.

(END)